Cawangan Negeri Sembilan

KELUARAN : BIL 15
NOVEMBER 2026 | JUMADAL ULA 1448H

SEMBANG @Waghih

أونيت حال الحوال اسلام

(PENA UNIT HAL EHWAL ISLAM UiTMCNS)



Susunan oleh: Ustaz Mohammad Faizul Abdan

JANGAN MENCACI,UKHWAH TERJAGA

Antara maksiat lidah ialah mencaci seorang Muslim, melaknatnya, merendah-rendahkannya, dan mengucapkan setiap perkataan yang menyakiti hatinya tanpa ada alasan yang dibenarkan oleh syarak.

Baginda Rasulullah ﷺ bersabda:

سِبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ (رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ)

Maksudnya: "Mencaci seorang Muslim adalah satu kefasikan." (Riwayat al-Bukhari)

Hadis ini menyebut perbuatan mencaci seorang Muslim sebagai kefasikan kerana ia tergolong dalam dosa besar.

Manakala melaknat pula bermaksud mencaci orang lain serta mendoakannya agar dijauhkan daripada kebaikan dan rahmat Allah. Seperti mengucapkan: "Semoga Allah melaknatmu", "Semoga laknat Allah menimpamu", "Engkau terlaknat", atau "Engkau termasuk orang yang layak mendapat laknat Allah". Melaknat seorang muslim hukumnya adalah dosa besar.

Baginda Rasulullah ﷺ dengan tegas menyatakan:

لَعْنُ الْمُؤْمِنِ كَقَتْلِهِ (مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

Maksudnya: "Melaknat seorang Mukmin adalah sama seperti membunuhnya." (Muttafaqun 'alaih)

Mencaci dan melaknat saudara sesama Muslim bukanlah sifat seorang mukmin yang sempurna imannya, sebagaimana yang ditegaskan oleh Baginda Nabi ﷺ:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَانِ وَلَا اللَّعَانِ وَلَا الفَاحِشِ وَلَا البَذِيءِ

(رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُمَا)

Maksudnya: "Seorang mukmin yang sempurna imannya bukanlah seorang pencaci, melaknat, dan bukan juga orang yang berkata keji serta kotor." (Riwayat Ahmad, at-Tirmidzi dan lain-lain)

Bahkan dalam hadis lain, Baginda Rasulullah ﷺ dengan tegas bersabda:

إِنَّ شَرَّ النَّاسِ مَنْ تَرَكَهُ النَّاسُ أَوْ وَدَعَهُ النَّاسُ اتِّقَاءَ فُحْشِهِ

(رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ)

Maksudnya: "Sesungguhnya antara manusia yang paling buruk ialah orang yang ditinggalkan oleh orang lain kerana takut akan perkataan kejinya dan kotornya." (Riwayat al-Bukhari)

Sebaliknya, mukmin yang baik adalah mukmin yang orang lain selamat daripada gangguan lidah dan tangannya. Baginda Nabi ﷺ bersabda:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُوْنَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ (مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

Maksudnya: "Muslim yang sempurna imannya ialah orang yang mana orang muslim yang lain selamat daripada gangguan lidah dan tangannya." (Muttafaqun 'alaih)

Oleh yang demikian, marilah kita menjaga lidah kita. Jangan sampai ia menjadi punca bencana bagi diri kita sendiri mahupun orang lain. Lidah boleh menjadi bencana kepada diri sendiri, kerana jika tidak berhati-hati, kata-kata yang haram dan mengandungi dosa akan terlepas daripada lidah kita.

Imam al-Ghazali menyatakan: "Lidah ialah nikmat yang agung. Bentuknya kecil, tetapi kesan yang ditimbulkannya boleh jadi sangat besar."

Angkara lidah, seorang anak boleh bertengkar dengan kedua ibu bapanya. Disebabkan lidah, boleh berlaku perceraian antara suami isteri. Bencana lidah, rusuhan dan huru-hara boleh meletus di mana-mana dan merebak ke mana-mana. Disebabkan lidah, seseorang boleh membunuh rakan atau jirannya. Disebabkan lidah, boleh berlaku kekacauan yang menghancurkan seluruh pelusuk negara. Dan disebabkan lidah juga, kita boleh kehilangan sesuatu yang sangat berharga bagi keutuhan sesebuah negara, iaitu perpaduan dan kesatuan.



Susunan oleh: Ustaz Mohammad Faizul Abdan

JANGAN MENCACI,UKHWAH TERJAGA

Sangat benar apa yang disabdakan oleh Baginda Rasulullah ﷺ:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَاليَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ
(مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

Maksudnya: "Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, hendaklah dia berkata yang baik atau diam." (Muttafaqun 'alaih)

Sahabat Nabi , Mu'adz bin Jabal pada suatu ketika bertanya kepada Baginda Rasulullah ﷺ: "Adakah kita akan dituntut di atas apa yang kita bicarakan?"

Rasulullah ﷺ kemudian bertanya kembali:

وَهَلْ يَكُبُّ النَّاسَ فِي النَّارِ عَلَى وُجُوهِهِمْ أَوْ عَلَى مَنَاخِرِهِمْ إِلَّا حَصَائِدُ أَلْسِنَتِهِمْ؟ (رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ)

Maksudnya:Adakah ada perkara yang menjerumuskan manusia ke dalam neraka di atas muka atau hidung mereka lebih banyak daripada hasil tuaian lidah-lidah mereka? (Riwayat al-Tirmidzi)

Baginda Nabi ﷺ juga menasihatkan:

إِنَّكَ لَمْ تَزَلْ سَالِمًا مَا سَكَتَ فَإِذَا تَكَلَّمْتَ كُتِبَ لَكَ أَوْ عَلَيْكَ
(رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ)

Maksudnya: "Sesungguhnya engkau sentiasa selamat selagi engkau diam, namun jika engkau telah berkata-kata, maka ucapanmu akan mendatangkan kebaikan bagimu atau membahayakanmu." (Riwayat al-Thabarani)

Dalam peribahasa ada disebutkan: "Terlajak perahu boleh diundurkan, terlajak kata buruk padahnya." . Ini bermaksud perkataan yang tajam acap kali membawa celaka kepada diri sendiri dan tidak dapat ditarik balik.

Oleh itu, jika seseorang mahu berkata-kata, hendaklah difikirkan terlebih dahulu. Sangat penting untuk kita berfikir sebelum bercakap. Berfikir sebelum memberi komen. Berfikir sebelum menulis dan memberi ulasan di media sosial. Tulisan ialah salah satu daripada dua lisan kita. Jika baik dan bermanfaat, maka tulislah. Jika tiada manfaatnya atau berpotensi menimbulkan keburukan, kekacauan, dan kesalahfahaman, maka lebih baik diam.

Jika ada manfaat di satu sudut tetapi ada juga mudarat di sudut yang lain, maka kita memegang prinsip: mencegah kemudaratan (mafsadah) hendaklah didahulukan daripada mengaut kebaikan (maslahah). Tapis sebelum share (kongsi). Tidak semua yang terlintas di fikiran perlu kita ucapkan. Tidak semua peristiwa perlu kita ulas. Jangan mengulas sesuatu yang kita tiada ilmu mengenainya. Bukannya ulasan kita menyelesaikan masalah, sebaliknya makin menambah dan memburukkan keadaan.

Marilah kita menjaga perpaduan dan penyatuan. Jangan beri ruang sedikit pun kepada batu api (pengadu domba) untuk memecahbelahkan kita. Tahanlah setiap ucapan atau ulasan yang berpotensi memecahbelahkan perpaduan. Berbeza pilihan tidak mengapa, asalkan jangan saling memaki. Berbeza pendapat tidak mengapa, asalkan jangan saling membenci. Kritikan boleh disampaikan, asalkan tetap menjaga kesantunan dan kesopanan.

Jauhkan lisan kita daripada maki hamun, mencaci, menghina, mencela, mengejek, melaknat, mengutuk, merendah-rendahkan, mencemuh, memburuk-burukkan, menghasut, mengumpat, mengadu domba, dan memfitnah.

Ingatlah, setiap apa yang kita ucapkan, lakukan, dan yakini akan dipertanggungjawabkan kelak di akhirat. Allah berfirman:

يَوْمَ تَشْهَدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ (24)

Maksudnya: "Pada hari (ketika) lidah, tangan, dan kaki mereka menjadi saksi ke atas mereka terhadap apa yang telah mereka kerjakan." (QS al-Nur: 24).





Susunan oleh: Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie

"SIFAT MALU: PERHIASAN IMAN, BENTENG DIRI"

يَـٰبَنِىٓ ءَادَمَ قَدْ أَنزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُوَٰرِى سَوْءَٰتِكُمْ وَرِيشًا ۖ وَلِبَاسُ ٱلتَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ ۚ ذَٰلِكَ مِنْ ءَايَـٰتِ ٱللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ ٢٦

Maknanya: Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).

Menurut Imam al-Tabari dalam tafsirnya, ungkapan "**وَلِبَاسُ التَّقْوَى**" dalam ayat 26 surah al-A'raf memberi maksud iman dan sifat malu. Sifat malu merupakan sebaik-baik pakaian, pelindung diri seseorang manusia. Malu merupakan ciri penting yang perlu dimiliki oleh setiap Muslim.

Rasulullah ﷺ bersabda, "Sesungguhnya bagi setiap agama itu ada akhlaknya, dan akhlak Islam ialah sifat malu" (Riwayat Ibn Majah). Imam al-Mawardi dalam karyanya Adab ad Dunya membahagikan sifat malu kepada tiga jenis;

Pertama: Malu kepada Allah SWT; merupakan malu paling utama, iaitu memelihara diri daripada melakukan perkara mungkar kerana merasa malu kepada Allah yang Maha Melihat. Malu kepada Allah mengajar manusia untuk sentiasa menjauhi dosa walau pun ketika bersendirian.

Kedua: Malu kepada orang sekeliling; merujuk keadaan seseorang yang berasa malu untuk melakukan perkara buruk, tidak sopan atau bertentangan dengan nilai agama di hadapan orang lain. Contohnya, malu mendedahkan aurat, malu bercakap bohong, mengumpat dan menghina orang lain.

Ketiga: Malu kepada diri sendiri; ialah sifat malu yang dimiliki oleh orang yang beriman yang berasa malu jika dirinya menjadi hamba yang lalai, malas beribadah, tidak jujur atau gagal menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan, di samping membantu seseorang untuk menjaga kehormatan diri, serta membentuk peribadi yang baik.

Sifat malu merupakan benteng yang menghalang manusia daripada terjerumus melakukan dosa. Islam meletakkan malu sebagai sifat mahmudah dan sifat utama yang membenteng diri daripada perbuatan buruk. Malu yang dituntut dalam Islam adalah malu al-Haya'. Nabi ﷺ memberi peringatan bagi orang yang hilang perasaan malu akan berbuat apa sahaja yang dia mahukan sekali pun perkara itu melanggar batasan syarak. Sabda Nabi ﷺ :

حَدَّثَنَا أَبُو مَسْعُودٍ عُقْبَةُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِمَّا أَدْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النُّبُوَّةِ إِذَا لَمْ تَسْتَحْيِ فَافْعَلْ مَا شِئْتَ

Telah bercerita kepada kami Abu Mas'ud 'Uqbah berkata; Nabi ﷺ bersabda: "Sesungguhnya diantara ajaran yang didapati oleh manusia daripada kalam (perkataan) (yang disepakati) para Nabi adalah; "Jika kamu tidak malu maka buatlah apa yang kamu suka". (Riwayat Bukhari No: 3224) Status: Hadis Sahih

Mutakhir ini, kita menyaksikan sifat malu dalam masyarakat semakin terhakis. Perbuatan maksiat dan dosa bukan sahaja tidak lagi disembunyikan, bahkan dipertontonkan secara terbuka demi meraih perhatian dan kemasyhuran. Aurat dipamerkan tanpa menghiraukan batas syariat; pergaulan bebas dan pelbagai bentuk maksiat bukan sahaja tidak dipandang sebagai dosa, malah dipersembahkan sebagai hiburan dan kandungan yang mengundang pujian serta tontonan ramai; budaya memfitnah, mencaci, menghina dan mengaibkan orang lain khususnya di media sosial, dilakukan tanpa rasa berdosa. Jenayah rasuah, pecah amanah, mencuri dana awam, pengubahan wang haram penyeludupan, pengedaran dadah, dilakukan tanpa rasa malu kepada Allah dan tanpa rasa berdosa kepada manusia yang telah memberikan mereka amanah dan kepercayaan. Sangat membimbangkan, apabila orang-orang yang telah disabitkan oleh mahkamah dengan kesalahan jenayah, masih disanjung dan dipandang tinggi.

Susunan oleh: Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie



"SIFAT MALU: PERHIASAN IMAN, BENTENG DIRI"

Beberapa pengajaran besar yang wajib kita hayati:

Pertama: **Sifat malu ialah tanda hidupnya iman.**

Sabda Rasulullah:Malu itu adalah sebahagian daripada iman (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Apabila iman hidup di dalam hati, seseorang tidak hanya takut melakukan dosa di hadapan manusia, bahkan lebih takut melakukan dosa ketika bersendirian. Dia sedar pandangan manusia terbatas, tetapi pandangan Allah tidak pernah terhalang. Orang yang beriman tidak memerlukan pengawasan untuk menunaikan amanah, dan tidak memerlukan pujian untuk melakukan kebaikan.

Kedua: **Sifat malu ialah benteng daripada dosa dan maksiat.**

Setiap manusia mempunyai keinginan, nafsu dan godaan. Undang-undang boleh mengawal perbuatan manusia dari luar, tetapi sifat malu mengawal manusia dari dalam. Apabila manusia ada rasa malu kepada Allah, dengan sendirinya dia tidak berani melakukan dosa. Dia malu untuk mengambil rasuah walaupun mempunyai peluang; dia malu untuk menipu walaupun sukar dikesan; dia malu untuk mengkhianati pasangan hidupnya walaupun tiada siapa mengetahui; dia malu melakukan fitnah walaupun boleh bersembunyi di sebalik akaun sosial; dia malu untuk mengambil hak orang lain, walaupun mempunyai kuasa untuk melakukannya.

Ketiga: **Sifat malu melahirkan manusia yang amanah dan berintegriti.**

Sifat malu sangat penting dalam urusan pekerjaan, perniagaan, dan kepimpinan. Seorang pekerja yang mempunyai rasa malu, akan malu menerima gaji tanpa melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna; seorang peniaga yang mempunyai rasa malu, akan malu untuk menipu pelanggan, seorang pemimpin yang mempunyai rasa malu, akan malu menggunakan kuasa untuk kepentingan diri dan keluarganya.

Keempat: **Sifat malu menjaga maruah dan kehormatan manusia.**

Orang yang mempunyai rasa malu tidak mudah merendahkan maruah dirinya semata-mata untuk mendapatkan perhatian, pujian dan kemasyhuran. Dia insaf tidak semua perkara perlu dipamerkan. Sifat malu mengajar manusia bahawa maruah lebih berharga daripada mendapatkan perhatian, dan kehormatan lebih tinggi daripada kemasyhuran yang sementara. esungguhnya! Apabila rasa malu mati, amanah mudah dikhianati, kuasa mudah disalahgunakan, dan melakukan dosa dianggap perkara biasa.









Susunan oleh: Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie

AKTIVITI
Unit Hal Ehwal Islam


















Susunan oleh: Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie

AKTIVITI
Unit Hal Ehwal Islam











Susunan oleh: Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie

SAHAM AKHIRAT







Sumbangan Anda Kami Hargai



Susunan oleh: Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie

Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Kuala Pilah selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustaz Mohammad Faizul bin Abdan

Penolong Pendaftaf Kanan (N10)
Ketua Unit I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Kuala Pilah



Ustaz Mohamad Fadzly bin Spalie

Pegawai Eksekutif Kanan (N6)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Kuala Pilah

Unit Hal Ehwal Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Kuala Pilah
Pekan Parit Tinggi
72000 Kuala Pilah
Negeri Sembilan
Malaysia

06-4832291

Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan







Susunan oleh: Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie



Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Seremban selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Izwaniyati binti Ibrahim

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam I Kampus Seremban



Ustaz Puaad bin Osman

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Muhammad Luqman bin Roslan

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban



Ustaz Abdul Hadi bin Abd. Wahab

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Seremban

Unit Hal Ehwal Islam
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban 3/1 Seremban 3
73000 Seremban
Negeri Sembilan
Malaysia

06-6342000

Unit Hal Ehwal Islam
Kampus Seremban

Susunan oleh: Ustaz Mohamad Fadzly Bin Spalie



Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelia serta memantau segala program dan aktiviti kerohanian dan keagamaan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, khususnya di UiTM Kampus Rembau selaras dengan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah, disamping menjalankan aktiviti kebajikan kepada warga UiTM dan masyarakat.



Ustazah Masliyana binti Ismail

Penolong Pendaftar Kanan (N10)
Ketua Seksyen I Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Muhammad 'Adli bin Ibrahim

Pegawai Eksekutif (N5)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau



Ustaz Mohd Sairin bin Sarlan

Pembantu Tadbir (N1)
Unit Hal Ehwal Islam, Kampus Rembau

Unit Hal Ehwal Islam
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Rembau
Jalan UiTM Rembau
71300 Rembau
Negeri Sembilan
Malaysia

06-6982354

Unit Hal Ehwal Islam
UiTM Cawangan Negeri Sembilan